# KERATAN AKHBAR

**NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (FORUM)**

**TARIKH: 10 JANUARI 2018** **MUKA SURAT: 12**

# Tingkatkan kebersihan restoran beroperasi 24 jam

**SAUDARA PENGARANG,**

**BARU-BARU** ini akhbar melaporkan 27 restoran yang kebanyakannya beroperasi 24 jam di Seremban telah diarahkan tutup selama dua minggu oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan kerana didapati terlalu kotor dan boleh mengundang kemudaratan kepada pelanggan.

Isu restoran kotor bukan sahaja berlaku di Seremban, malah turut dikesan terjadi di tempat-tempat lain termasuk di Lembah Klang. Sikap pengotor pengendali premis makanan 24 jam itu dapat dilihat melalui keadaan dapur dipenuhi sarang labah-labah dan najis tikus yang sangat menjijikkan.

Diharapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan kerjasama jabatan berkaitan dapat menjalankan operasi pemeriksaan secara lebih kerap bagi memastikan restoran berkenaan sentiasa bersih.

Tindakan tegas harus dikenakan terhadap pemilik restoran yang tidak menyediakan apron untuk dipakai pekerja, membiarkan makanan dihurung lalat dan melakukan kitar semula makanan yang tidak terjual.

Dicadangkan premis yang telah dikenakan kompaun serta pernah pula diarahkan tutup untuk beberapa minggu diletakkan pelekat yang memaparkan gred D di hadapan atau kaunter bayaran restoran untuk jangka masa tertentu supaya menjadi pengajaran kepada pemilik perniagaan itu untuk sentiasa menjaga kebersihan.

Kalau dahulu gerai yang terletak berhampiran dengan longkang tidak dibenarkan lagi beroperasi di sekitar bandar besar kini tindakan sama perlu dikenakan terhadap restoran yang nampak bersih di luar tetapi keadaan dapurnya cukup kotor.

Kita kena bertegas dalam menjaga kebersihan di restoran terutama yang beroperasi 24 jam. Jangan sampai kita termakan air kencing tikus dan tahi cicak.

**SYED ABDULLAH SYED OSMAN JAMALULLAIL**
Negeri Sembilan



**TINDAKAN tegas perlu dikenakan terhadap restoran yang nampak bersih di luar tetapi keadaan dapurnya cukup kotor. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN**

*** ADUAN TELAH DIDAFTARKAN DI SISTEM ADUAN BERSEPADU (SAB) UNTUK TINDAKAN SELANJUTNYA.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN